

Kuala Lumpur serius pimpin perubahan

SDG PACU AGENDA HIJAU MAMPAN

AZLAN ZAMBRY

KUALA Lumpur menzahirkan komitmen teguh terhadap pembangunan mampan apabila plak Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dirasmikan di Menara DBKL 1, sebagai simbol tekad kepimpinan bandar raya ini untuk menjadikan kelestarian sebagai asas utama tadbir urus dan kesejahteraan rakyat.

Disempurnakan Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif**, beliau menegaskan pelancaran plak ini bukan sekadar acara simbolik, tetapi pernyataan terbuka bahawa transformasi hijau harus bermula dari institusi tempatan ke seluruh penjurus masyarakat.

“Plak ini bukan hiasan dinding, tetapi pantulan kepada nilai yang kita pegang, ukuran kepada tindakan kita, dan mesej kepada dunia bahawa Kuala Lumpur benar-benar serius memimpin perubahan,” jelas beliau dalam ucapannya.

Hadir sama Pakar Ekonomi Kanan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk Malaysia, Singapura dan Brunei, Dr Richard Marshall; Ketua Pegawai Eksekutif Urbanice Malaysia, Norliza Hashim serta Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan MySDG, Anita Ahmad dan Pengarah Program Pusat Kelestarian Bersepadu, Institut Strategi Alam Sekitar Global (IGES) yang berpangkalan di Jepun, Dr Junichi Fujino.

Maimunah turut berkongsi kenangan zaman kanak-kanaknya di Sungai Dua Besar, Negeri Sembilan, di mana amalan hidup seimbang dengan alam adalah sebahagian daripada budaya, meskipun ketika itu masyarakat belum mengenali istilah perubahan iklim atau SDG.

“Kami kongsi apa yang kami tanam, guna semula apa yang kami



MAIMUNAH (tengah) bergambar di Plak SDG bersama wakil PBB, Dr Richard Marshall; Ketua Pegawai Eksekutif Urbanice, Norliza Hashim dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan MySDG, Anita Ahmad.

ada dan hormati tanah yang kami pijak. Hari ini, kita kembali kepada nilai itu – dengan sains, teknologi dan semangat baharu,” katanya.

Beliau turut mengumumkan bahawa tahun 2025 akan menjadi tahun pelaksanaan bagi semua dasar dan perancangan bandar yang telah dirangka pada tahun sebelumnya.

Plak SDG katanya menjadi pemangkin kepada transformasi struktur dalam menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar yang boleh dicintai (*lovable city*).

Maimunah berkata sejak lebih sedekad lalu, Kuala Lumpur telah melaksanakan pelbagai inisiatif

kelestarian termasuk KL Car Free Morning (2013), laluan basikal khas (2015), Pelan SDG KL (2019) dan Kajian Sukarela Tempatan (Voluntary Local Review) kepada PBB (2022).

Katanya Kuala Lumpur berjaya mengadopsi kesemua 10 sasaran SDG 11: Bandar dan Komuniti Lestari, antaranya pembinaan 20,000 rumah mampu milik, peningkatan jaringan pengangkutan, pengurangan kawasan banjir dan peluasan ruang hijau yang kini mencakupi 9.5% bandar.

“Kami bukan sekadar patuh pada SDG. Kami menjadi contoh dalam pelaksanaannya,” katanya

sambil merujuk kepada 15 Program Flagship DBKL termasuk Warisan KL, Central Park Conservancy dan infrastruktur hijau.

Maimunah berkata Kuala Lumpur juga menjadi perintis dengan penubuhan Pusat SDG KL, satu-satunya di Malaysia dan Asia Pasifik yang diiktiraf UN-Habitat.

“Pusat ini bakal diperluas ke kawasan Warisan KL sebagai makmal hidup berteraskan lima tonggak iaitu komuniti, inovasi, maklumat, perkongsian dan data.

“Kami juga sedang membangunkan KL SDG Digital Twin – sistem digital pintar yang akan memetakan bandar secara

maya, memberi visualisasi data masa nyata untuk membantu perancangan dasar yang lebih tepat,” katanya.

Menurut Maimunah sebagai bandar raya yang juga hos ASEAN 2025, Kuala Lumpur akan menjadi lokasi utama untuk pelbagai persidangan antarabangsa seperti Forum Bandar Lestari ASEAN, Forum Datuk Bandar ASEAN, Mesyuarat Ibu Kota ASEAN, serta acara berprestij Townhall COP dan Masterclass Bandar Dipimpin Wanita.

Maimunah turut menegaskan bahawa tiada dasar akan berjaya tanpa sokongan rakyat.

“DBKL kini menggerakkan program Kita Untuk Kita (K2K) melibatkan lebih 600,000 penduduk perumahan awam, dengan semangat 4P – *Public, Private, People, Partnership* sebagai teras keberkesanan,” katanya.

Jelas beliau sebagai sebahagian daripada reformasi tadbir urus, DBKL akan melaksanakan semakan pertengahan penggal, membuka ruang kepada audit kebangsaan, dan memperkenalkan reformasi belanjawan demi ketelusan serta kepercayaan awam terhadap setiap sen yang dibelanjakan.

“Kepercayaan adalah asas kepada transformasi. Tanpa rakyat, tiada plan akan berhasil. Tanpa kepercayaan, tiada dasar akan berakar,” katanya.

Beliau mengingatkan bahawa SDG bukan konsep elitis, tetapi soal hak dan kualiti hidup – anak yang selamat ke sekolah, ibu yang menghirup udara bersih, warga emas yang hidup bermaruah.

“Plak ini adalah peringatan harian kepada masa depan yang kita kongsi. Bersama-sama, kita akan jadikan Kuala Lumpur bukan sahaja boleh didiami tetapi benar-benar boleh dicintai,” katanya.